

ORIGINAL ARTICLE

PENGUKUHAN HAFAZAN PELAJAR MELALUI MODUL LIQA (LATIHAN INTENSIF HAFAZAN AL-QURAN): SATU PENDEKATAN

(Strengthening Student Memorization Through the Liqa Module (Intensive Al-Quran Memorization Training): An Approach)

Mohd Hasdi Mohamed and Rashidi Abbas

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia

ABSTRACT – The memorization of Al Quran among Muslims is emphasized especially to the young generation today. Moreover, it is a privilege that not everyone is able to do and is an exclusive virtue of that individual in the eyes of God in particular and in society in general. So, the variety of Al Quran memorization methods that have appeared in the recent era to some extent help the Al Quran memorization process to be more organized and organized. However, all of these methods are difficult to meet the criteria of memorization methods that help students to memorize Al Quran practically and have less of a positive impact on students' memorization results because they focus on organizing students' schedules. The main objective of this study is to introduce the Al Quran memorization module: The LIQA Module (Intensive Al-Quran Memorization Training and to know how to apply the module in the memorization process. The LIQA module comes with 3 main steps: the preparation step, the memorization step and the strengthening step. The results of the application In this module, the author found that LIQA's memorization module was successful in producing excellent memorization and covering the needs of memorization.

ABSTRAK – Hafazan Al Quran dalam kalangan umat Islam amat dititikberatkan terutama kepada generasi muda kini. Lebih-lebih lagi ia merupakan kelebihan yang tidak semua orang mampu untuk melakukannya dan merupakan nilai tambah yang eksklusif kepada individu tersebut di sisi Allah khususnya dan dalam kalangan masyarakat umumnya. Jadi, kepelbagaiannya kaedah hafazan Al Quran yang muncul pada era terkini sedikit sebanyak membantu proses hafazan Al Quran supaya lebih teratur dan tersusun. Namun, kesemua kaedah tersebut sukar untuk memenuhi kriteria-kriteria kaedah hafazan yang membantu pelajar untuk menghafaz Al Quran secara praktikal dan kurang memberikan impak yang positif kepada hasil hafazan pelajar kerana ia memberi fokus kepada penyusunan jadual pelajar. Objektif utama kajian ini adalah untuk memperkenalkan modul hafazan Al Quran : Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan al-Quran dan mengetahui kaedah pengaplikasian modul tersebut dalam proses hafazan. Modul LIQA didatangkan dengan 3 langkah utama langkah persediaan, langkah hafazan dan langkah pengukuhan. Hasil daripada pengaplikasian modul ini, penulis mendapati modul hafazan LIQA berjaya menghasilkan hafazan yang sangat baik serta merangkumi keperluan hafazan.

ARTICLE HISTORY

Received: 31 Dec 2020
 Revised: 22 Jan 2021
 Accepted: 19 Feb 2021

KEYWORDS

Method
 Module
 Hafazan

LATAR BELAKANG TAHFIZ DI MALAYSIA

Di Tanah Melayu, perkembangan institusi tahniz kerajaan dan swasta lahir daripada kewujudan kelas al-Quran yang bermula di rumah-rumah guru, sekolah-sekolah pondok sehingga sistem pendidikan sekolah Islam (Muhammad Yusuf Ahmad, 2000). Penubuhan pusat tahniz secara formal di Malaysia bermula daripada arahan daripada Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Hasrat ini telah dinyatakan sewaktu perasmian Masjid Negara dengan kehadiran Sheikh Mahmud Syaltut ketika beliau dalam lawatan ke Malaysia.

Pada tahun 1966, Kerajaan Pusat telah menujuhkan Kelas Pengajian Menghafaz al- Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara. Faktor penyumbang kepada penubuhan Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran adalah ekoran daripada pengajuran Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang diadakan semenjak tahun 1960 (JAKIM, 2003). Pelaksanaan program ini ternyata mendapat sokongan dan dorongan daripada semua pihak. Kesannya, masyarakat Islam pada ketika itu berusaha untuk mempertingkatkan mutu bacaan al-Quran (Wan Muhammad, 1997).

Sebagai permulaan, Maahad tahniz al-Quran wal Qiraat ditubuhkan sebagai salah satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur dengan bilangan pelajar pada masa itu seramai lapan orang sebagai perintis yang dipilih. Kemudiannya maahad tahniz tersebut diletakkan di bawah Cawangan Institut Latihan Dakwah Islam (INDAH) (Darul Quran, 2006). Pada tahun 1997 maahad tahniz ini telah dinaik taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran yang ditempatkan di kampus tetap Kompleks Darul Quran Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu Selangor (<http://www.islam.gov.my>).

Selepas maahad Tahfiz di Masjid Negara, diikuti pula maahad tahfiz yang dibuka di setiap negeri. Ketika ini seluruh negeri mempunyai Ma'ahad Tahfiz, yang paling akhir ditubuhkan ialah pada 1996 iaitu Maahad Tahfiz Negeri Johor dan Pulau Pinang (Syed Ahmad Tarmizi, 2003). Berdasarkan sejarah perkembangan institusi tahfiz yang telah dijelaskan di atas, kini institusi tahfiz di Malaysia semakin berkembang ibarat cendawan tumbuh selepas hujan.

PENGENALAN MODUL LIQA (LATIHAN INTENSIF HAFAZAN AL-QURAN)

Mohd Hasdi (2019) menyatakan Modul LIQA (gambar 1 dibawah) merupakan akronim kepada Latihan Intensif Hafazan Al-Quran. Ianya merupakan idea yang dicetuskan oleh Ustaz Mohd Hasdi Bin Mohamed Al-Hafiz.



Rajah 1. Muka hadapan dan belakang modul LIQA

Modul LIQA tercetus dari pengalaman Ustaz Mohd Hasdi ketika menjalankan tugas sebagai Penyelaras program hafazan Al-Quran di Sekolah Menengah Agama Al-Maarif, Felda Bukit Goh, Kuantan Pahang bermula tahun 2006. Program ini dikenali sebagai Program Tahfiz Bestari yang diasaskan oleh Pengetua ketika itu iaitu Tn. Hj. Abu Talib Bin Abdullah, PPN. Hasrat Tuan Pengetua adalah untuk memberi ruang kepada murid menghafaz ayat Al-Quran mengikut kemampuan sebagai sokongan kepada kurikulum sedia ada sekolah.

Setelah lima tahun Program Tahfiz Bestari ini dijalankan, perkembangan dan sambutannya amat menggalakkan. Ini dapat dilihat sewaktu permohonan kemasukan ke Tingkatan Satu di SMA Al-Maarif dibuka, hampir 1000 permohonan diterima dan tempat ditawarkan adalah hanya untuk 80 orang sahaja.

Faktor utama ibubapa memilih SMA Al-Maarif adalah kerana inginkan anak mereka menghafaz Al-Quran melalui program hafazan yang diadakan. Selain itu juga, kurikulum SMA Al-Maarif juga berada di tahap yang cemerlang dengan pencapaian yang membanggakan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). SMA Al-Maarif berada dalam kedudukan 10 teratas di negeri Pahang dan dalam kalangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat kebangsaan. Adalah tidak dinafikan kecemerlangan yang dicapai adalah keberkatan Al-Quran (Mohd Hasdi, 2019).

Sehubungan itu, melihat kepada perkembangan ini, Ustaz Mohd Hasdi mengambil inisiatif untuk melakukan transformasi dalam proses pembelajaran dan pengajaran al-Quran. Ianya merupakan satu teknik pengajian al-Quran yang disusun bagi membantu murid khususnya dalam menguasai hafazan al-Quran dengan pendekatan yang menarik, mudah, bersistematis dan serta dapat dikuasai dalam tempoh yang singkat. Keberkesanan Modul LIQA telah terbukti dengan peningkatan hafazan murid dan sasaran hafazan sebanyak 15 juzuk ke atas selama 5 tahun (dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5) dapat dicapai. Peringkat permulaan, murid dapat menghafaz 3 juzuk dalam tempoh 5 tahun. Setelah Modul LIQA diperkenalkan di SMA Al- Maarif tahun 2012, secara berperingkat pencapaian hafazan pelajar meningkat kepada 5 juzuk , 10 juzuk dan 15 juzuk ke atas selama 5 tahun.Malahan ada dikalangan murid yang melepassi sasaran yang ditetapkan dengan berjaya menghafaz sebanyak 23 juzuk dalam tempoh 3 tahun iaitu semasa di tingkatan 3.

Memandangkan Modul LIQA berkesan dalam membantu dan meningkatkan hafazan, maka SMA Al-Maarif menjadi “Bench Mark” (Penanda Aras) kepada lain-lain sekolah dan agensi yang mengadakan program hafazan Al-Quran. Justeru, SMA Al-Maarif dilihat sebagai “SUMUR” yang menjadi sumber dan panduan dalam mengadakan program hafazan Al-Quran dan sering dikunjungi pelbagai pihak antaranya :

1. Jabatan Pendidikan FELDA.
2. SMKA Tg. Ampuan Hajjah Afzan, Jerantut Pahang (TAHAP)
3. SM Sains Pekan
4. Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
5. Maahad Tahfiz Al-Istiqlama, Janda Baik Bentong Pahang

Pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan kurikulum hafzan di sekolah iaitu Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Selain itu juga, Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri (SAN) mula memberi perhatian terhadap kurikulum hafazan Al-Quran. Selari dengan perkembangan ini, Ustaz Mohd Hasdi memperkenalkan Modul LIQA melalui program berbentuk seminar dan bengkel bertujuan membantu dan memudahkan hafazan pelajar bagi mencapai sasaran sukatan yang ditetapkan.

Bengkel dan seminar hafazan yang diadakan mendapat sambutan yang menggalakkan, bukan sahaja di negeri Pahang malah di seluruh negara. Ianya bukan sahaja disertai oleh murid sekolah bahkan mendapat sambutan orang awam yang dianjurkan oleh masjid, institusi serta organisasi tertentu. Antara yang terlibat adalah seperti berikut :

1. Seluruh Sekolah Agama Negeri (SAN) di Pahang
2. Sekolah Agama Negeri (SAN) di Johor, Terengganu, Sabah dan sebagainya.
3. Sekolah Rendah Islam Al-Hafiz, Kota Kinabalu Sabah.
4. Persatuan Pengajian Al-Quran dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain, Masjid Negeri Pahang
5. Masjid-masjid dan surau-surau di negeri Pahang
6. Institut Kemahiran MARA (Sabah)
7. Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Malaysia
8. Institut Perdagangan Munshi, Kuantan Pahang
9. Akademi Tahfiz Suluh Budiman, Tanjung Malim Perak.
10. Politeknik Tun Syed Nasir, Pagoh Johor.

Peringkat seterusnya merupakan pengiktirafan kepada Modul LIQA yang diperkenalkan oleh Ustaz Mohd Hasdi Bin Mohamed Al-Hafiz. Pada Disember 2017 Telaga Biru Sdn. Bhd bersetuju untuk mencetak Modul LIQA secara keseluruhan (Juzuk 1-30). Percetakan Modul LIQA dijadualkan bermula pada Mac 2018 dan dijangka siap pada Disember 2018 dengan penjenamaan semula yang dikenali sebagai KADEAH HADAFI namun terpaksa dibatalkan.

Pembatalan ini adalah berikutan masalah kewangan yang dihadapi pihak Telaga Biru Sdn. Bhd. Namun demikian, pada Januari 2019, Modul LIQA mendapat tawaran percetakan dari Penerbit Dinasti melalui Pengarah Urusannya, En. Mohd Bukhori Bin Abdullah. Penerbit ini merupakan percetakan yang menerbitkan Al-Quran bagi institusi raja di Malaysia. Mengikut perancangan penerbit, Modul LIQA yang bakal diterbitkan merangkumi 30 buah buku (1 juzuk 1 buku) dan dinamakan Modul Tahfiz Yang Di Pertuan Agong.


KAEDAH MODUL LIQA (LATIHAN INTENSIF HAFAZAN AL- QURAN)

Siri

Modul LIQA disusun secara bersiri mengikut juzuk. Bermula dengan siri 1 juzuk 1 dan berakhir dengan siri 30 juzuk 30. Secara purata, ketebalan bagi satu-satu siri modul ini adalah sebanyak 80 hingga 100 halaman. Ini kerana sehelai dari muka surat al-quran yang mengandungi

15 baris ayat memerlukan 4 lembaran kerja di dalam Modul LIQA. Satu juzuk al-Quran kebiasaannya mengandungi 20 muka surat. Oleh yang demikian, bagi menyempurnakan 1 juzuk, Modul LIQA memerlukan 80 muka surat lembaran kerja.


Kandungan



Rajah 2. Isi kandungan Modul LIQA

Gambar 2 di atas menunjukkan kandungan di dalam Modul LIQA. Secara umumnya satu muka surat di dalam al-quran akan dibahagikan kepada 3. Setiap kali aktiviti menghafaz dilakukan, tumpuan hanya akan difokuskan kepada 4 hingga 5 baris ayat sahaja.

Kaedah Modul LIQA



Rajah 3. Kaedah Modul LIQA

Merujuk kepada gambar 3 di atas, Modul LIQA memberi penekana kepada 3 langkah utama iaitu :

- Langkah 1 : Persediaan
- Langkah 2 : Hafazan
- Langkah 3 : Pengukuhan

Pada Langkah Persediaan, dua proses yang perlu dilalui pada langkah ialah Talaqqi Musyafahah dan Tahsin Qiraah. Talaqqi dari segi bahasa ialah pelajar bersemuka atau berhadapan dengan guru. Musyafahah pula bermakna dari mulut ke mulut (pelajar belajar al-quran dengan memerhati gerak bibir guru untuk mendapatkan sebutan makhray yang betul).

Tahsin Qiraah bermaksud membaki bacaan. Ianya seakan Talaqqi Musyafahah. Menghafaz al-quran memerlukan kepada bacaan yang baik sama ada dari sebutan mahupun kelancarannya. Seterusnya, pada langkah 1 ini, 3-5 baris ayat yang tersedia perlu diulang-ulang sehingga bacaan menjadi lancar. Kekerapan ulangan bergantung kepada individu, Kebiasaannya dengan 3-5 kali ulangan membaca, bacaan yang sebelumnya tersangkut dan sebagainya akan menjadi bacaan yang baik dan lancar. Dengan ini, pengguna boleh beralih kepada langkah seterusnya iaitu langkah 2 (Hafazan).

Langkah 2 (Hafazan) merupakan tujuan utama dan bahagian paling penting dalam modul ini. Bermula dari kotak P1 iaitu potongan 1 dan tamat pada kotak P10 iaitu potongan 10. Perkara yang perlu dilakukan hanyalah membaca sebanyak 10 kali potongan yang disediakan sambil melihat ayat dan tandakan pada ruangan yang disediakan. Seterusnya, pada potongan yang sama 10 kali lagi bacaan diperlukan akan tetapi tanpa melihat ayat dan tandakan pada ruangan yang disediakan. Sebelum beralih potongan seterusnya, hafazan perlu diulang sebanyak 5 kali dengan menandakan dalam ruangan berbentuk bulatan. Kaedah di atas akan dilakukan pada potongan seterusnya sehingga potongan akhir iaitu potongan kesepuluh. Potongan ayat yang dihafaz perlu digabung dengan lima kali ulangan supaya ayat yang telah dihafaz terus berada dalam ingatan dan menjadi ayat yang lengkap.

Langkah ketiga yang terdapat dalam Modul LIQA pada lembaran kerja hafazan ialah langkah pengukuhan. Hafazan tidak dapat dipisahkan dari ulangan sebagai proses pengukuhan kerana ayat yang dihafaz akan mudah lupa jika tidak diulang. Pengulangan boleh dilakukan sama ada secara tulisan atau bacaan. Namun ulangan secara tulisan merupakan aktiviti pengukuhan yang amat berkesan bagi aktiviti pengukuhan hafazan. Melalui Modul LIQA, ruangan pengukuhan diletakkan dibahagian bawah selepas langkah 2 (Hafazan). Pengguna perlu menulis semula 3-5 baris ayat yang telah dihafaz pada langkah 2 (Hafazan) mengikut arahan yang ditetapkan. Penulisan adalah tanpa melihat al-Quran dan sebaiknya susunan ayat yang ditulis menyerupai susunan ayat di dalam al-Quran. Adalah digalakkkan menulis ayat dengan barisnya sekali.

KEISTIMEWAAN MODUL LIQA (LATIHAN INTENSIF HAFAZAN AL- QURAN)

Penyelidikan yang lalu menunjukkan bahawa 60% pelajar tidak berjaya menyelesaikan hafalan Al-Quran (30 juzuk) dalam tempoh enam semester (Misran & Ahmad Sadadi, 2003). Bagi

menghasilkan hafazan yang baik, seseorang memerlukan latihan berterusan samada dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Keistimewaan yang boleh diperolehi dan kelebihan yang terdapat dalam Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran) antaranya adalah:-

- **Hafazan menjadi mudah** : Fokus hafazan pada satu masa adalah hanya 3-5 baris. Ayat hafazan pula telah disediakan dan dibahagiak mengikut potongan yang menepati waqaf dan ibtida'.
 - **Mempercepatkan hafazan** : Penggunaan potongan ayat serta kotak yang disediakan untuk menandakan hafazan telah dilakukan membantu untuk mempercepatkan hafazan.
 - **Efektif** : Kaedah yang diperkenalkan iaitu dengan 10 kali baca sambal lihat dan 10 kali tanpa melihat ayat serta penggabungan potongan-potongan ayat menjadikan ayat atau surah yang dihafaz kekal lama dalam ingatan.
 - **Efisien**: Latihan pada lembaran yang disediakan menjadikan bacaan dan hafazan lebih efisien. Ayat yang disediakan menepati waqaf dan ibtida'.
 - **Sistematik** : Kaedah Modul LIQA adalah bersistematis dan bertepatan dengan kaedah hafazan al-quran iaitu meliputi talaqqi (membaca dihadapan guru), Tahsin (membetulkan bacaan), tahniz (menghafaz) dan tarji' (mengulang sebagai pengukuhan dengan cara menulis). Selain itu juga aktiviti yang dilakukan semasa menghafaz dapat disemak dan dipantau oleh guru.
 - **Ingatan lebih Kuat** : Dengan mengulang potongan ayat sebanyak 10 hingga 20 kali ulangan dan menggabungkan setiap potongan ayat akan menjadikan ingatan lebih kuat dan mantap.
- Seiring dengan keunikan kaedah Hafazan Modul LIQA, ia juga telah berjaya membantu penghafaz al-quran dalam menguatkkan Hafazan Al Quran. Bermakna semua orang mampu menghafaz tanpa mengira usia.
- **Diiktiraf syarikat percetakan** : Modul LIQA diiktiraf oleh sayarikat percetakan seperti Telaga Biru Sdn. Bhd dan Penerbit Dinasti.
 - **Menyeluruh, Padat dan Eksklusif** : Penyusunan Modul LIQA adalah mengikut juzuk Al-Quran. Ini bermakna 30 juzuk al-quran dapat dihafaz dengan menggunakan 30 buah Modul LIQA (juzuk 1 hingga 30).
 - **Informatif, Inovatif dan Kreatif** : Setiap mukasurat dilengkapi dengan 3 langkah utama iaitu langkah persediaan, langkah hafazan dan langkah pengukuhan.
 - **Terbukti Berkesan** : Pendekatan Modul LIQA berjaya mengoptimumkan kemampuan hafazan dan membantu ke arah mencapai sasaran hafazan yang ditetapkan.

KESIMPULAN

Penerapan kaedah hafazan Al Quran melalui Modul LIQA telah mengubah persepsi masyarakat terhadap kesukaran dalam menghafaz Al Quran. Jadi, peranan kita sebagai umat Islam untuk mencipta teknik terkini seiring dengan pemikiran dan mentaliti masyarakat yang semakin kritis. Hafazan menggunakan Modul LIQA ini mampu menghasilkan suatu bentuk hafazan yang santai tetapi sampai. Sukatan hafazan Al-Quran yang ditetapkan dapat dicapai di samping mampu memberikan hasil hafazan yang terbaik.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz, A., Hussin, S., Azmi Shah, S., Sulaiman Shakib, M. N., Kamarul Azmi, J., & Abdul Basit, S. (2005). Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Afaf Abdul Ghafor Hameed. Dr., Adel M. Abdulaziz. Dr., Mohamed Abdullahi Nur. Dr., Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2003). Isu Semasa Pengajian: Quran Dan Sunnah. Siri 1, Sidang Editorial, KUIM: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2003). Sambutan 35 Tahun JAKIM: PenjanaUmat Bertaqwah dan Progresif. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Mohd Hasdi Mohamed. (2019). Pelaksanaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) Sebagai Medium Tuisyen Tahfiz Separuh Masa Di Negeri Pahang. Disertasi (M.Usuluddin) – Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Yusuf Ahmad. (2000). Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, Khairul Anuar Muhammad & Mohd Zohdi Mohd Amin. (2003). Tahfiz al-Quran : Sejarah dan perkembangannya. Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Wan Muhammad A. Aziz (1997). Pengurusan Ma'had Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran JAKIM. Jurnal Darul Quran, Bil. 3, Jun 1997.